



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LUKISAN EKSPRESI REMAJA: KAJIAN KES
PELATIH ASRAMA PUTERI
BATU GAJAH, PERAK**

FAIRUZ BINTI ABDUL HALEEM SHAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

01.04.2006

FAIRUZ BINTI ABDUL HALEEM SHAH
M20031001348





DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged

01.04.2006

FAIRUZ BINTI ABDUL HALEEM SHAH
M20031001348



PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, segala puji-pujian dan sanjungan hanya untuk-Nya, selawat serta salam untuk junjungan Agung Muhammad Rasulullah(S.A.W.) kerana dengan hidayah dan inayatnya, membolehkan penulis menyelesaikan satu kajian ilmiah untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan Seni.

Dalam usaha menyempurnakan kajian ini, penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pensyarah dan Penyelia, En Roskang Jailani yang sentiasa memberi dorongan, bimbingan tunjuk-ajar dan nasihat di sepanjang kajian ini dilaksanakan. Penulis juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Seni & Muzik dan Fakulti Sains Kognitif & Perkembangan Manusia kerana membantu melengkapkan kajian ini berdasarkan kepada bidang masing-masing.

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Pengetua dan kakitangan Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak kerana kerjasama yang diberikan, pelaksanaan dan penulisan kajian ini dapat disediakan dengan sempurna.

Kepada Pengetua & kakitangan Sekolah Menengah Kebangsaan Ampang Pecah, Kuala Kubu dan semua pihak yang telah memberi sokongan dan kerja sama semasa penyediaan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, penulis mengucapkan ribuan terima kasih.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Ibu-bapa dan keluarga kerana memberi sokongan moral agar saya dapat melangkah lebih jauh lagi dalam mencapai cita-cita. Semoga penulisan kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan pengetahuan dalam penyelidikan selanjutnya.

ABSTRAK

Fokus asas yang mendasari kajian ini adalah berdasarkan kepada dua tunjang permasalahan kajian iaitu melibatkan golongan remaja. Masalah pertama ialah konflik zaman remaja dan kedua masalah yang berkaitan dengan kebebasan untuk melukis seperti kanak-kanak kian hilang apabila mereka meningkat remaja. Oleh itu kajian ini cuba untuk melihat kesinambungan lukisan ekspresi sebagai satu mekanisme terapeutik diri remaja yang bermasalah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menggunakan teknik kajian kes. Penyelidikan ini di jalankan di Institusi Pemulihan Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan melibatkan seorang peserta kajian. Tujuan kajian ialah untuk meneroka dan memahami lukisan ekspresi yang dihasilkan oleh peserta kajian melalui bentuk, imej dan makna serta proses ekspresi yang dilalui olehnya menerusi lapan tema lukisan stimulus. Data diperoleh daripada bukti dokumen visual, pemerhatian dan temu bual . Data di analisis secara deskriptif. Lukisan ekspresi berjaya mengubah persepsi peserta kajian bahawa setiap orang boleh melukis dan kepandaian melukis bukanlah penentu kunci ekspresi diri. Setiap individu mempunyai kebolehan untuk berekspresi melalui emosi dan perasaan , dengan menggunakan bahasa tampak. Selain daripada itu lukisan ekspresi juga memimpin seseorang mengenal pasti konflik dan langkah mengatasi kecelaruan emosi dan tingkah laku secara langsung menjadi terapi diri. Kepentingan kajian ini secara langsung memperluaskan pendefinisian pendidikan seni tidak sahaja dari aspek pendidikan formal di sekolah, kurikulum, pedagogi, kemahiran tetapi sebagai gabungan bidang, psikologi, sosial, terapi dan perkembangan diri. Selain daripada itu seni ekspresi dapat dijadikan salah satu pendekatan yang neutral dan tidak mengancam egosentrik remaja dalam membantu remaja membina konsep sendiri yang lebih positif.

ABSTRACT

This research focuses on two issues, conflicts faced by adolescences and the freedom to draw freely like children. Both issues arise from different backgrounds that involve adolescence. The main purpose of this research is to examine the continuity of free expression in the visual art as a therapeutic mechanism in adolescences with personal conflicts. The research was conducted at one of the local female rehabilitation center, Taman Seri Puteri, Batu Gajah Perak run by Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia, involving one participant. The objective of the study is to explore and understand form, image, content and process of expression that participant underwent by using eight stimulus drawing theme . Data was obtained through visual document evidence, observation and by interviewing the participant. Data was analyzed by using descriptive method. Findings shows that visual art expression succeeded in changing participant's perception, that everyone is able to draw freely and drawing talent is not a requirement to express oneself. Every individual has the right to express himself or herself visually through emotions and feelings. Visual Art Expression serves as personal therapy by identifying, understanding and overcoming ones emotional conflicts and behaviors through the visual art.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	
PENGAKUAN	i
DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
RUJUKAN DAN LAMPIRAN	xiii
BAB 1	PENDAHULUAN
1.1	Latar Belakang Masalah 1
1.2	Rumusan Masalah Kajian 4
1.3	Tujuan Kajian 5
1.4	Soalan Kajian 6
1.5	Kepentingan Kajian 7
1.6	Batasan Kajian 8



1.7	Metodologi Kajian	9
1.7.1	Reka Bentuk Kajian	9
1.7.2	Fokus Kajian	9
1.7.2.1	Peserta Kajian	10
1.7.3	Latar Belakang Lokasi Tempat Kajian	10
1.7.4	Kaedah Pengumpulan Data	11
1.7.4.1	Bukti Dokumen	11
1.7.4.1.1	Tema Lukisan	12
1.7.4.2	Pemerhatian	13
1.7.4.3	Temu Bual	14
1.7.4.4	Alat Pengumpulan Data	18
1.7.5	Prosedur Pelaksanaan Kajian	19
1.7.5.1	Tempoh Pelaksanaan Kajian	21
1.7.6	Teknik Analisis Data	23
1.7.7	Etika Penyelidikan	24

BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	25
2.1	Kajian Lampau	25
2.2	Kerangka Pemikiran	27
2.2.1	Terapi Seni	27
2.2.2	Kepentingan Terapi Seni	29
2.2.3	Teori Psikoanalisis	31



2.2.4	Teori Ekspresi	34
2.2.5	Remaja	35
2.3	Rumusan	40
BAB 3	LATAR BELAKANG LOKASI KAJIAN	42
3.1	Taman Seri Puteri Batu Gajah	42
3.2	Laporan Penyelidik di Lapangan	50
3.2.1	Laporan Penyelidik Hari ke-I	51
3.2.2	Laporan Penyelidik Hari ke-II	53
3.2.3	Laporan Penyelidik Hari ke-III	54
3.2.4	Latar Belakang Peserta Kajian	55
BAB 4	ANALISIS DOKUMEN DAN PEMERHATIAN	56
4.1	Tema Lukisan Bebas (a)	56
4.2	Tema Lukisan Bebas (b)	58
4.3	Tema Lukisan Perasaan Saya Sekarang	59
4.4	Tema Lukisan Pokok	61
4.5	Tema Lukisan Keluarga Saya	64
4.6	Tema Lukisan Konflik Emosi Saya	66
4.7	Tema Lukisan Api Kemarahan Saya	67
4.8	Tema Lukisan Saya Dahulu, Sekarang dan Masa Hadapan	69
4.9	Tema Lukisan Hadiah Untuk Diri Saya	71

BAB 5	ANALISIS TEMU BUAL	73
5.1	Tema Lukisan Bebas (a)	73
5.2	Tema Lukisan Bebas (b)	74
5.3	Tema Lukisan Perasaan Saya Sekarang	75
5.4	Tema Lukisan Pokok	76
5.5	Tema Lukisan Keluarga Saya	77
5.6	Tema Lukisan Konflik Emosi Saya	78
5.7	Tema Lukisan Api Kemarahan Saya	79
5.8	Tema Lukisan Saya Dahulu, Sekarang dan Masa Hadapan	79
5.9	Tema Lukisan Hadiah Untuk Diri Saya	81
BAB 6	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	82
6.1	Perbincangan	82
6.2	Persoalan Kajian Satu	82
6.3	Persoalan Kajian Dua	90
6.4	Persoalan Kajian Tiga	97
6.5	Rumusan Dapatan Kajian	103
6.6	Implikasi Kajian	105
6.7	Kesimpulan	106



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Lukisan bertema	13
1.2 Kod pemerhatian penyelidik	14
1.3 Garis panduan temu bual penyelidik	15
1.4 Pelaksanaan lukisan bertema	20-21
3.1 Pelaksanaan lukisan bertema mengikut hari di lapangan	50





SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Carta pelaksanaan lukisan bertema	22
2.1 Kerangka Konsep Pemikiran	41
3.1 Foto Taman Seri Puteri di atas bukit	42
3.2 Foto jalan masuk ke pintu utama	43
3.3 Foto pejabat pengurusan	43
3.4 Foto kawasan larangan Taman Seri Puteri	44
3.5 Foto pelatih di kelas tamu saji Taman Seri Puteri	47
3.6 Foto pelatih di kelas tamu saji Taman Seri Puteri	47
3.7 Foto pelatih sedang mengulang kaji	49
3.8 Foto lokasi penyelidik menjalankan kajian	52
3.9 Foto peserta kajian semasa hari terakhir	55
4.1 Tema Lukisan “Bebas (a)”	57
4.2 Tema Lukisan “Bebas (b)”	58
4.3 Tema Lukisan “Perasaan Saya Sekarang”	59
4.4 Tema Lukisan “Pokok”	62
4.5(a) Tema Lukisan “Keluarga Saya”	63
4.5(b) Wajah P.K sedang Menangis	65
4.6 Tema Lukisan “Konflik Emosi Saya”	66
4.7 Tema Lukisan “Api Kemarahan Saya”	68
4.8 Tema Lukisan Tema “Saya Dahulu, Sekarang dan Masa Hadapan”	69
4.9 Tema “Lukisan Hadiah Untuk diri Saya”	71





SENARAI SINGKATAN

1. P = Penyelidik
2. P.K = Peserta Kajian



RUJUKAN DAN LAMPIRAN

Muka surat

Rujukan	107-109
Lampiran A Sajak Peserta Kajian	110-115
Lampiran B Lukisan Bertema Peserta kajian	116-125
Lampiran C Surat-Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	126



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Latar Belakang Masalah

Zaman remaja ialah satu masa peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa. Di mana remaja sedang mengalami dilema di antara dua persimpangan antara seorang kanak-kanak dan dewasa. Satu transisi daripada kanak-kanak ke alam akal baligh yang menuntut perubahan semula jadi dari segi domain fizikal, kognitif dan psikologi. Ia merupakan suatu zaman yang kompleks dan banyak menimbulkan konflik jiwa.

Konflik peribadi yang dikenali sebagai krisis identiti sering dihubungkan dengan perkembangan para remaja. Erikson (1951;1963) menyatakan bahawa para remaja sering mengalami konflik sosial di antara pengertian identiti diri dengan kekeliruan peranan yang ada padanya. Dalam mencari identiti, ramai remaja mempunyai keinginan untuk bebas daripada kongkongan ibu bapa, untuk berdikari untuk membuat apa-apa yang disukainya tetapi pada masa yang sama, mereka





memerlukan pertolongan dan bimbingan terutama daripada ibu bapa atau penjaga. Jika ibu bapa tidak memainkan peranan yang penting dalam membentuk jiwa dan peribadi remaja kumpulan rakan sebaya akan dijadikan sebagai pengganti keluarga dan cenderung untuk berpisah daripada struktur kekeluargaan dan menganggap kawan-kawan sebayanya adalah lebih penting. Maka di sini lah mula memperjudikan masa remaja sama ada rakan sebaya akan membimbing dan membina peribadi remaja ke arah positif atau mereka akan hanyut dan melakukan kesilapan dalam lembah yang merosakkan.

Fenomena sosial yang melanda diri remaja saban hari ibarat “duri dalam daging”. Jika dibiarkan mampu meruntuhkan masyarakat. Remaja hari ini adalah pemimpin masa depan. Begitulah peranan dan pentingnya kedudukan remaja, sama ada lelaki mahu pun perempuan dalam masyarakat kita hari ini. Jika akhlak mereka rosak, sudah tentu mereka tidak mampu menjadi pemimpin yang berkualiti. Masalah remaja yang gagal ditangani dengan sempurna telah membawa mereka jauh menyimpang dari laluan yang sepatutnya.

Kegiatan berunsur jenayah di kalangan remaja di antaranya penagihan najis dadah, arak, dan pil khayal, lumba motor haram, seks bebas dan sehingga ke tahap yang membimbangkan seperti melacur, merompak dan membunuh dalam usia yang masih mentah. Menyedari hakikat bahawa masalah sosial remaja tidak ada pengakhirnya, Sesuatu perlu dilakukan untuk mencari jalan mengelakkannya kerana ketelanjuran yang berlaku tidak seharusnya dibiarkan melarat. Apa yang lebih utama pada waktu ini ialah membangunkan dan memulihkan pembentukan sahsiah diri remaja yang telah rapuh kepada remaja yang seimbang dari bidang jasmani, emosi, rohani dan intelek agar dapat berfungsi di dalam masyarakat.





Perkembangan artistik zaman kanak-kanak mendapat tempat di hati ramai pakar psikologi, warga pendidik dan mereka yang terlibat dengan dunia seni. Mereka seperti terpesona dengan lukisan yang naif dan kagum dengan proses kreativiti kanak-kanak tersebut. Ia juga mengingatkan kita kembali zaman kanak-kanak yang penuh riang dan bebas yang pernah kita lalui sewaktu dahulu.

Melukis pada peringkat kanak-kanak juga merupakan satu aktiviti yang spontan dan semula jadi bagi mereka (Froebel dalam Kellogg: 1970). Tiada siapa yang boleh menghalang keinginan naluri semula jadi mereka jika kertas tidak diberikan maka dinding di rumah menjadi kanvas mereka. Apa sahaja mengenai persekitaran mereka cuba digambarkan dan mereka akan menceritakan dengan penuh makna dan bangga mengenai lukisan mereka. Dari segi sikap dan aktif semasa kelas pendidikan seni juga jelas menggambarkan keseronokan dan keriangannya mereka. Menurut Cox (1990) tiada siapa yang mengambil peduli jika seseorang kanak-kanak yang berumur sebelas tahun, masih tidak boleh melukis dengan baik. Semasa mereka kanak-kanak, mereka merasakan lukisan adalah satu yang menyeronokkan, bebas, kreatif dan tidak terikat dengan aspek formalistik. Tidak wujud pertimbangan-pertimbangan sama ada hasil lukisan mereka cantik atau tidak.

Akan tetapi apabila kanak-kanak ini membesar menjadi remaja, seni mula hilang seri di kaca mata mereka. Remaja dikatakan tidak lagi kreatif seperti di zaman kanak-kanak dan lukisan mereka tampak kaku. Torrance (1962) berpendapat fungsi imaginasi atau kreativiti pada kanak-kanak akan menurun sebaik sahaja masuk ke alam remaja.





Bresler (1992) dalam kajiannya *Visual Art in Primary Grade* melaporkan bahawa kerja kursus dalam kelas pendidikan seni tidak unik dalam erti kata lain tidak memuatkan ciri-ciri ekspresi. Tambah beliau produk atau karya akhir adalah setara dan tidak mencerminkan perkembangan naluri perasaan dalaman seseorang yang sebenarnya. Tidak dinafikan pendidik seni ada menekankan aspek keterbukaan , ekspresi sendiri dan kreativiti dalam karya pelajar. Walau bagaimanapun ia bertentangan dengan prinsip dan pelaksanaan penilainya yang boleh diukur oleh pihak sekolah. Lama-kelamaan seni ekspresi diri yang semula jadi dalam semua kanak-kanak akan hilang dengan begitu sahaja.

Ini di tambah pula apabila remaja masuk ke alam persekolahan menengah, tuntutan kurikulum, skema penaksiran dan guru yang lebih berpihak kepada lukisan yang realistik, berkemahiran dan berasaskan unsur formalistik. Remaja akan mula rasa terikat dan mengalami tekanan (Michael,1983). Kelas pendidikan seni yang seharusnya menjadi punca keseronokan berlaku sebaliknya. Menurut Rubin(2005) kanak-kanak yang mempunyai konsep sendiri yang lemah akan berkembang secara artistik dalam persekitaran yang bebas dan tidak bergantung kepada pertimbangan atau penilaian yang tertentu.

1.2 Rumusan Masalah Kajian

Di sini penyelidik cuba untuk melihat satu kesinambungan lukisan ekspresi dalam konteks remaja sebagai satu mekanisme terapeutik diri remaja yang bermasalah. Lukisan ekspresi merupakan satu cara yang berupaya dan berfungsi sebagai komunikasi konflik jiwa dan menjawab persoalan identiti remaja yang bermasalah (Malchiodi, 2004). Lukisan ekspresi sebagai sesi terapeutik yang menggalakkan





proses kreatif berasaskan penyelesaian masalah, memperbaiki dan membaik pulih diri melalui hubungan makna imej yang dihasilkan oleh remaja secara semula jadi. Lukisan ekspresi juga turut memberi kebebasan kepada remaja untuk melukis bebas seperti kanak-kanak tanpa mengira kualiti kemahiran melukis yang ada dan yang paling utama mengembalikan rasa keseronokan dalam melukis. Remaja yang digalakkan untuk bercerita mengenai lukisan mereka dan naratif mereka dihormati akan mengalami kesan positif (Riley, 2004). Seni ekspresi dapat dijadikan salah satu pendekatan yang neutral dan tidak mengancam egosentrik remaja dalam membantu remaja membina konsep sendiri yang lebih positif

1.3 Tujuan Kajian



Zaman remaja adalah zaman yang unik dan penuh dengan eksperimentasi dalam penentuan falsafah hidup dalam diri dan pembentukan identiti sendiri. Untuk melihat pengaruh dan fungsi ekspresi seni dalam diri remaja penyelidik ingin meneroka dan memahami lukisan ekspresi yang dihasilkan oleh remaja melalui bentuk imej dan makna, proses ekspresi diri dan perubahan-perubahan yang berlaku semasa sesi kajian. Menjadi harapan penyelidik agar penyelidikan lukisan ekspresi remaja dapat menjadi satu kesinambungan kepada jurang yang telah memisahkan kreativiti untuk melukis bebas kembali seperti kanak-kanak. Selain daripada itu, tujuan kajian ini juga bermaksud dapat membuka minda masyarakat dalam memperkenalkan seni lukisan ekspresi dalam memperluaskan pendefinisian pendidikan seni tidak sahaja dari aspek pendidikan formal, kurikulum, pedagogi, kemahiran tetapi sebagai gabungan bidang psikologi, sosial, terapi dan perkembangan diri.





1.4 Soalan Kajian

Lapan tema lukisan ekspresi disusun dalam bentuk biografi imej peribadi remaja. Tema-tema yang diberikan adalah sebagai stimulus kepada jiwa dan perasaan yang membawa remaja mengembara merentasi konflik-konflik di alam bawah sedar, maka persoalan penyelidikan adalah:-

1. Apakah bentuk gambaran lukisan yang dihasilkan oleh remaja berdasarkan tema yang diberikan ?

Memandangkan lukisan ekspresi berfokus kepada imejan yang dipengaruhi oleh pemikiran, persepsi, perasaan atau tindak balas emosi dalaman remaja. Sesi dialog membantu remaja mengintegrasikan otak kanan yang melibatkan unsur visual, intuisi dan perasaan dengan fungsi otak kiri seperti unsur verbal, logika dan pemikiran. Mengikut pendapat Riley (2004) sesi dialog adalah sebahagian daripada proses terapeutik yang membawa kepada naratif yang membina makna dan tanggapan baru kepada peserta kajian. Di sini penyelidik ingin mengetahui:-

2. Apakah makna yang tersirat di sebalik gambaran lukisan yang berasaskan tema lukisan yang diberikan oleh penyelidik?

Persoalan terakhir penyelidik cuba untuk meneroka aspek pengalaman dan perasaan remaja mengenai imej yang dihasilkan olehnya selepas melalui sesi lukisan ekspresi dengan persoalan:-

3. Apakah hubungan di antara gambaran lukisan yang dihasilkan dengan pengalaman dan perasaan peserta kajian?





1.5 Kepentingan Kajian

Melalui dapatan kajian ini penyelidik berharap:

1. Kajian ini dapat dijadikan landasan awal dalam memartabatkan lukisan yang dihasilkan oleh golongan remaja melalui usaha membuat lebih banyak kajian pada masa akan datang, khususnya dalam meneroka lukisan ekspresi remaja dan golongan dewasa.
2. Memperluaskan pendefinisian pendidikan seni tidak sahaja dari aspek pendidikan formal, kurikulum, pedagogi, kemahiran tetapi sebagai gabungan bidang psikologi, sosial ,terapi dan perkembangan diri.
3. Seni lukisan ekspresi dapat dijadikan salah satu pendekatan yang tidak mengancam egosentrik remaja dalam membantu remaja membina konsep sendiri yang sedang mengalami krisis identiti ,emosi dan tingkah laku yang berpusatkan kepadanya secara *laissez-faire*.
4. Satu usaha menggalakkan masyarakat celik seni secara memahami dan menghargai pengalaman ekspresinya sendiri. Lukisan ekspresi dapat menerapkan sikap menerima dan menghargai diri melalui lukisan. Sekali gus dapat menyangkal pandangan stereotaip bahawa hanya orang yang mempunyai kelebihan dan bakat dalam melukis boleh menghasilkan lukisan.





1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Institusi Pemulihan Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak. Peserta kajian yang terlibat adalah seorang remaja yang berumur 18 tahun yang telah berada di institusi ini sejak Julai 2005 sehingga tahun 2006. Skop kajian melibatkan bentuk imej dan makna lukisan, perubahan yang berlaku kepada peserta kajian semasa proses ekspresi diri, pandangan dan perasaan peserta kajian secara peribadi mengenai proses ekspresi diri yang dilalui olehnya.

Memandangkan bidang lukisan ekspresi banyak berkait rapat dengan pendekatan Terapi Seni maka kebanyakannya bahan bacaan dan rujukan penyelidikan adalah daripada terapi seni. Kajian ini tidak bermaksud untuk menjelaskan terapi seni secara klinikal akan tetapi lebih untuk menghayati proses ekspresi seni peserta kajian.

Mengikut Landgarten (1995) menyifatkan bidang terapi seni bukan dianggap sebagai disiplin, ia adalah modus atau cara untuk sampai ke sana, ia berfungsi sebagai pendekatan yang boleh disesuaikan dengan mana-mana teori.

The truth of the matter is that art therapy is not a discipline, it's a modality. Art therapy is a away of getting there. It operates as a modality because you can adapt to any theory.

Landgarten (dalam Rubin,2005)

Bidang terapi seni akan sentiasa menjadi bidang yang dilihat secara berterusan dari pelbagai dimensi kerana sifatnya yang versatil dan merangkumi bidang-bidang seperti seni, pendidikan, kaunseling, psikologi, perubatan alternatif, motivasi dan perkembangan diri.





1.7 Metodologi Kajian

1.7.1 Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini adalah merupakan penyelidikan kualitatif. Mengikut Gorman dan Clayton (1997) mendefinisikan penyelidikan kualitatif sebagai:

“ Qualitative research is a process of enquiry that draws data from the context in which events occur, in attempt to describe the occurrence, as a means of determining the processes in which events are embedded and the perspectives of those participating in the vents, using introduction to derive possible explanations based on phenomena”.

(Gorman & Clayton : 1997 : 23)

Dalam erti kata lain penyelidikan kualitatif adalah satu proses mencari makna di sebalik tingkah laku manusia dan fenomena sekelilingnya. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan penyelidikan kajian kes kerana kebanyakan masalah yang berkait dengan kajian ini melibatkan manusia dalam konteks (tempat dan masa) tertentu yang memerlukan penyelesaian yang realistik dan berasas (Marohaini,2001). Dalam konteks kajian ini, penyelidik ingin meneroka bagaimana dan mengapa kesan-kesan visual yang berlaku pada gadis remaja di institusi pemulihan akhlak melalui lukisan ekspresi dalam mencari identiti dan penerokaan diri remaja secara naturalis.

1.7.2 Fokus Kajian

Fokus dalam penyelidikan ini adalah gadis remaja yang berumur antara 15 hingga 17 yang dimasukkan ke pusat pemulihan akhlak atas perintah mahkamah di bawah akta perlindungan wanita dan gadis berumur di bawah 21 tahun dan juga dimasukkan atas permintaan ibu bapa atau penjaga mereka. Mereka ditangkap oleh pihak polis kerana terbabit dalam kerja-kerja yang berbahaya kepada moral seperti bekerja di pub, kelab





dangdut dan tempat-tempat hiburan Ada juga dia antara mereka yang terjebak dengan sindiket pelacuran dan inses . Secara khususnya penyelidikan ini akan dijalankan di Institusi Pusat pemulihan Akhlak Asrama Puteri di Batu Gajah, Perak. Institusi ini adalah di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Subjek yang ingin dikaji ialah kes gadis remaja yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang berbahaya kepada moral sekitar tahun 2006.

1.7.2.1 Peserta Kajian

Pemilihan pelatih dipilih atas dasar sukarela dan keinginan peserta kajian menyumbang kepada hasil kajian penyelidik. Nama peserta kajian telah ditukarkan kepada kod P.K yang bermaksud peserta kajian bagi tujuan melindungi latar belakang diri dan keluarganya .Secara khusus bilangan peserta adalah seorang . Ini kerana penyelidik ingin mengenal pasti pola-pola perubahan yang berlaku di dalam lukisan ekspresi diri peserta kajian agar tidak terganggu dan mengikut aras kesukaran tema- tema lukisan yang telah ditetapkan.

1.7.3 Latar Belakang Lokasi Tempat Kajian.

Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak dahulunya dikenali sebagai Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis ditubuhkan selaras dengan seksyen 4 APWG (Akta Perlindungan Wanita dan Gadis) pada tahun 1973 untuk memberi perlindungan dan pemulihan khususnya wanita dan gadis yang terlibat dengan kegiatan kurang sihat atau terdedah kepada bahaya moral. Pusat ini adalah di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia.



1.7.4 Kaedah Pengumpulan Data.

Pengumpulan data untuk kajian kes ini bergantung kepada bukti daripada pelbagai sumber data. Data untuk kajian ini di kumpul melalui bukti dokumen, temu bual dan pemerhatian. Ini untuk kesahan yang dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih tepat dan meyakinkan tentang sesuatu konsep yang dikaji (Patton, 1987 ; Yin, 1994; Hammesley & Atkinson 1995; Marohaini Yusoff, 2001)

1.7.4.1 Bukti Dokumen

Mengikut kepada kebiasaan dokumen peribadi banyak mencorakkan penyelidikan kualitatif kerana ia merujuk kepada naratif sumber utama yang menceritakan mengenai tindakan, pengalaman dan kepercayaan seseorang (Plummer, 1983; Taylor & Bogdan 1984) Di samping mendapatkan data daripada temu bual dan pemerhatian, maklumat dalam bentuk dokumen adalah satu sumber bukti penting daripada penyelidikan kajian kes. Lukisan peserta kajian dianggap sebagai dokumen peribadi kerana ia mengandungi unsur-unsur pemikiran, pengalaman, luahan emosi dan perasaan yang diterjemahkan dengan secara visual oleh peserta kajian.

“Personal documents is used broadly to refer to any first person narrative that describes an individual’s action, experience and beliefs”.

(Plummer, 1983; Taylor & Bogdan, 1984)

Buku lakaran yang akan dibekalkan kepada informan dianggap perkataan-perkataan yang simbolik dan ekspresif.

“ Imagery forming a base of experience in personality development, it is also recognized as a primary component of unconscious phenomena.”

(Wadeson, 1980: 8)

1.7.4.1.1 Tema Lukisan.

Memandangkan ekspresi diri melalui lukisan bukanlah satu yang lazim di kalangan masyarakat Malaysia. Tema lukisan dapat membantu individu dalam memberi fokus untuk memulakannya (Liebmann, 2004: 17). Tema lukisan yang ditetapkan oleh penyelidik bukan untuk mengongkong kreativiti peserta kajian tapi sebagai medium rangsangan dalam menjana perasaan dan ekspresi diri remaja untuk melukis.

Tema disusun mengikut aktiviti yang mudah hingga kepada yang lebih abstrak dan mencabar. Tema lukisan juga dapat membantu penyelidik dalam memahami tahap-tahap perkembangan yang berlaku dan latar belakang peserta kajian. Tema yang digunakan adalah berdasarkan kepada buku bertajuk *A Practical Art Therapy* oleh Susan I. Buchalter (2004). Tema yang dipilih juga adalah berdasarkan perkembangan identiti, sosial, fizikal, seksualiti dan kognitif remaja tersebut. Peserta kajian tidak dihadkan kepada satu kertas kepada satu tema tetapi bebas menghasilkan seberapa banyak lukisan yang dia ingini dalam satu tema.

Jadual 1.1

Tajuk Lukisan Bertema

Bil	Tajuk Tema	Alat/Media
1.	Lukisan bebas " <i>free drawing</i> "	Bebas
2.	Perasaan saya Sekarang	Bebas
3.	Melukis pokok	Bebas
4.	Keluarga saya	Bebas
5.	Konflik emosi	Media warna
6.	Api kemarahan saya	Bebas
7.	Saya Dahulu, Sekarang dan Masa Hadapan	Bebas
8.	Hadiah Untuk Diri Saya	Bebas

1.7.4.2 **Pemerhatian**

Pengumpulan data adalah tidak lengkap tanpa pemerhatian . Ini disebabkan temu bual hanyalah pengumpulan laporan sendiri atau kumpulan individu tertentu (Marohaini , 2001). Data yang dikumpulkan daripada pemerhatian langsung dengan cara melihat dan mendengar apa yang berlaku di tempat kajian Memandangkan tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji dan memahami proses ekspresif seni visual yang dilalui oleh remaja tersebut .Dalam konteks kajian ini pemerhatian dilakukan secara

langsung terhadap gerak balas peserta kajian semasa peserta kajian melalui proses ekspresi diri secara langsung Selain daripada itu imej-imej lukisan yang dihasilkan oleh peserta kajian juga diperhatikan.

Jadual 1.2

Kod Pemerhatian Penyelidik

Bil	Aspek Pemerhatian	Kod Pemerhatian
1.	Pemilihan media	M
2.	Kelancaran melukis (<i>Fluidity</i>)	F
3.	Imej yang dilukis	I
4.	Teknik yang digunakan	T
5.	Tingkah laku (<i>Behaviour</i>)	B

1.7.4.3 Temu Bual

Temu bual dianggap sebagai salah satu sumber penting bagi mendapatkan maklumat deskriptif dalam sesebuah kajian kes (Marohaini,2001) Untuk kajian ini temu bual yang akan dijalankan boleh dibahagikan kepada dua fasa. Temu bual yang akan dijalankan adalah secara tidak formal dan penyelidik mengemukakan soalan yang lebih terbuka.

Fasa pertama temu bual terlebih dahulu diadakan di antara penyelidik dan Pengetua Institusi tersebut untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang institusi tersebut dan penghuni di institusi kebajikan tersebut. Menurut Bogdan dan

Biklen (1998) seorang penyelidik yang ingin menjalankan penyelidikan menggunakan pendekatan kajian kes perlulah terlebih dahulu membuat satu tinjauan awalan ``terhadap organisasi, lokasi kumpulan yang terlibat agar dapat menjadi garis panduan kepada penyelidik dalam mereka bentuk kajian yang bersifat “ *a good physical setting to study*”.

Fasa kedua adalah lebih tertumpu kepada peserta kajian di mana dia dihendaki membuat interpretasi bukti dokumen peribadi yang berbentuk lukisan visual yang dihasilkan olehnya. Keadaan ini bertepatan sekali dengan tujuan membuat temu bual seperti yang dinyatakan oleh Patton (1980),

“We interview people to find out from them things we cannot directly observe. We cannot observe feelings, thoughts and intentions. We cannot observe how people organize her world and meaning they attach to what goes on in the world-We have to ask question about those things. The purpose of interviewing then is to allow us to enter into the other person’s perspective “

Jadual 1.3

Garis Panduan Temu bual Penyelidik

Tema	Soalan Panduan Penyelidik
1. Pengenalan	i) Pengenalan diri penyelidik kepada peserta. Nama dan latar belakang,tujuan kajian ii) Latar belakang peserta kajian. Nama / asal usul / tempoh menetap di institusi / pengalaman di institusi / rutin di lalui iii) Pengalaman peserta kajian mengenai pendidikan seni. iv) Pendapat peribadi peserta kajian mengenai pendidikan seni.



2. Lukisan bebas
"free drawing"

- i) Media yang digunakan
Mengapa memilih media tersebut dan perasaannya menggunakan media tersebut
- ii) Imej
Peserta menceritakan imej yang dilukis olehnya
Pertalian imej dengan pengalaman/perasaan yang diharungi / dialami.

3. Perasaan saya
sekarang

- i) Media yang digunakan
Mengapa memilih media tersebut (jika terdapat perubahan penggunaan media)
- ii) Imej
Peserta menceritakan imej yang dilukis olehnya
Pertalian imej dengan pengalaman/perasaan yang dilalui/dirasai
Eksplorasi imej dan perasaan peserta kajian

4. Melukis pokok

- i) Media yang digunakan
Mengapa memilih media tersebut (jika terdapat perubahan penggunaan media)
- ii) Imej
Peserta menceritakan imej yang dilukis olehnya
Pertalian imej pokok dengan dirinya
pengalaman/perasaan yang dilalui/dirasai
- iii) Eksplorasi imej dan perasaan peserta kajian
ciri-ciri pokok /Saiz/rupa bentuk/ kekuatan dan kedudukan/umur /pokok,siapa yang menanam pokok,

5. Keluarga saya

- i) Media yang digunakan
Mengapa memilih media tersebut (jika terdapat perubahan penggunaan media)
- ii) Imej
Peserta menceritakan imej yang dilukis olehnya
Pertalian imej dengan pengalaman/perasaan yang dilalui/dirasai
- iii) Eksplorasi imej dan perasaan peserta kajian
Siapa di dalam gambar/bilangan / saiz figura /





bagaimana dilukis/peranan diri dan ahli keluarga /
bagaimana peranan keluarga telah berubah
mengikut masa.

6. Konflik emosi

- i) Media yang digunakan
Warna yang digunakan mewakili pengalaman
positif dan negatif
- ii) Imej
bentuk bulatan yang dihasilkan
Pertalian imej dengan pengalaman/perasaan
yang dilalui/dirasai
- iii) Eksplorasi imej dan perasa Pertalian
Peserta menceritakan hubungan warna positif dan
negatif berdasarkan pengalamannya.

7. Api kemarahan saya

- i) Media yang digunakan
Mengapa memilih media tersebut (jika terdapat
perubahan penggunaan media)
- ii) Imej
Elemen seni yang digunakan
Peserta menceritakan imej yang dilukis olehnya
Pertalian imej dengan pengalaman/perasaan
yang dilalui/dirasai
Eksplorasi imej dan perasaan peserta kajian
Apakah perasaan selepas

8. Saya dahulu, sekarang dan masa hadapan

- i) Media yang digunakan
Mengapa memilih media tersebut (jika terdapat
perubahan penggunaan media)
- iii) Imej
Peserta menceritakan imej yang dilukis olehnya
Pertalian imej dengan pengalaman/perasaan
yang dilalui/dirasai
- iii) Eksplorasi imej dan perasaan peserta kajian
bagaimana pengalaman dahulu,sekarang dan masa





hadapan mempengaruhi kehidupan, keyakinan diri dan hubungan peserta kajian dengan orang lain.

9. Hadiah Untuk Diri Saya

- i) Media yang digunakan
Mengapa memilih media tersebut (jika terdapat perubahan penggunaan media)
 - ii) Imej
Peserta menceritakan imej yang dilukis olehnya
Pertalian imej dengan pengalaman/perasaan yang dilalui/dirasai
 - iii) Eksplorasi imej dan perasaan peserta kajian
peserta membincangkan isu harapan, matlamat, cita-cita dan kaedah untuk mencapai apa yang diinginkannya kepuasan yang cuba dicapai dalam hidupnya.
-

10. Penutup

- i) Apakah perasaan setelah tamat melalui sesi ekspresi diri.
 - ii) Adakah pengalaman ekspresi diri mengubah persepsi mengenai pendidikan seni.
 - iii) Bagaimana pengalaman menghasilkan lukisan membantu mengenali diri peserta kajian.
 - iv) Apakah perubahan yang dilalui oleh peserta kajian.
-

1.7.4.4 Alat Pengumpulan Data

i) Penyelidik

Dalam kerja lapangan penyelidik adalah instrumen utama (Gorman & Clayton, 1997) dalam mengumpul data. Penyelidik perlu cuba memahami fenomena, kejadian atau peristiwa dalam kehidupan individu atau tingkah laku sosial melalui imej mental yang di hasilkan.





ii) **Alat/ Media lukisan**

Alat dan media lukisan merupakan instrumen yang utama dalam menyumbang data kepada penyelidik. Oleh itu peserta kajian akan di berikan buku lakaran saiz A3 sebagai laman pencetus imej mental dalam bentuk 2 dimensi. Peserta juga bebas membuat pilihan menggunakan media yang telah disediakan oleh penyelidik seperti pensel, pen *marker*, warna pensel dan krayon mengikut kesesuaian dan keyakinan diri dalam sesi ekspresi diri peserta kajian.

iii) **Perakam suara**

Perakam suara digital model Sony ICD-B100 digunakan untuk merakam terjemahan lukisan yang dibuat oleh peserta kajian.

iv) **Kamera Digital**

Kamera digital Olympus IR-300 digunakan hanya untuk merakam lukisan-lukisan yang dihasilkan oleh peserta kajian.

v) **Jurnal**

Jurnal digunakan oleh penyelidik untuk merekodkan kerja lapangan, menerusi pemerhatian, mendengar pengalaman dan apa yang difikirkan oleh penyelidik. Penyelidik juga memerhatikan dan membuat deskripsi mengenai peserta kajian, tempat, aktiviti, interaksi yang berlaku, dialog dan sebagainya. In juga termasuk aspek pandangan, idea, refleksi dan pemerhatian dari sudut pandangan penyelidik.

1.7.5 **Prosedur Pelaksanaan Kajian**

1.7.5.1 **Tempoh Pelaksanaan Penyelidikan**

Tempoh yang dicadangkan adalah sebanyak empat hari di lapangan memandangkan institusi ini mempunyai kawalan yang ketat dan kebenaran yang diberikan



Jadual 1.4
Prosedur Pelaksanaan Lukisan Bertema

Tajuk Tema	Prosedur Pelaksanaan	Objektif Pelaksanaan
1. Lukisan bebas atau "free drawing"	Peserta kajian mencari naluri rasa di dalam dirinya dan lukis apa sahaja yang diingini olehnya.	Sebagai aktiviti "warm Up" kepada peserta.
2. Perasaan saya sekarang	Peserta kajian melukis apa yang dirasainya pada masa sekarang	Tema ini dapat membantu penyelidik memahami keadaan remaja pada masa itu dan mengambil tindakan yang selanjutnya untuk mendekatinya ini dapat mewujudkan kesedaran diri peserta kajian
3. Melukis pokok	Peserta dihendaki melukis pokok dengan apa jua bentuk dan saiz secara bebas.	Pokok adalah satu bentuk representasi diri peserta dan bagaimana peserta melihat dirinya
4. Keluarga saya	Peserta kajian melukis ahli keluarganya sedang melakukan sesuatu.	Penyelidik dapat mengenali latar belakang diri dan keluarganya

Tema ini membantu peserta meneroka emosi dan konflik diri berdasarkan warna yang disukai dan tidak disukainya

Peserta melukis dua bulatan dan memilih 3 warna yang paling disukai dan 3 warna yang tidak digemarinya dikehendaki mewarnakan di dalam bulatan mengikut kategori yang disukai dan sebaliknya.

5. Konflik emosi

Tema ini membantu remaja meluahkan perasaan kemarahan dan kekecewaan yang terpendam dan apa yang menjadi punca kepada kemarahan tersebut.

Peserta melukis perasaan dan rupa kemarahan yang dialami di dalam dirinya.

6. Api kemarahan saya

Tema ini memberi satu gambaran realiti yang telah dilaluinya dan harapan nya pada masa akan datang

Peserta melukis dirinya pada masa dahulu, sekarang dan masa hadapan Peserta melukis dirinya pada masa dahulu, sekarang dan masa hadapan


7. Saya dahulu, Sekarang dan Masa Hadapan

Peserta dapat meneroka harapan, matlamat , cita-cita dan kaedah untuk mendapatkannya melalui tema ini.

Peserta melukis keperluan(satu kertas lukisan) dan keinginan(satu kertas lukisan) untuk mencapai kebahagiaan

8. Hadiah Untuk Diri Saya





1.7.6 Teknik Analisis Data

Data semasa pemerhatian yang bertumpu kepada proses ekspresi yang melibatkan penggunaan media, kelancaran melukis, imej yang dilukis, teknik yang digunakan dan tingkah laku semasa peserta kajian menghasilkan lukisan ekspresi akan di bandingkan dengan data temu bual untuk mencari kesinambungan antara imej dan makna yang dihasilkan olehnya . Kaedah analisis data yang digunakan ialah analisis penjelasan secara deskriptif iaitu peserta kajian menerangkan dan menterjemah apa yang diekspresikan melalui hasil lukisan dengan memerhati ciri-ciri seperti berikut:

- i) Imej-imej ,simbol atau motif yang lahir dalam lukisan serta makna di sebalik lukisan tersebut-naratif daripada peserta kajian.
- ii) Mengenal pasti dan memahami mengapa gambaran visual tersebut terhasil sedemikian rupa dan pola-pola perubahan yang berlaku di dalam lukisan, tingkah laku dan persepsi peserta kajian mengenai ekspresi diri.

Data bukti dokumen visual dan data pemerhatian akan di pameran dan dinyatakan di dalam Bab 4. Manakala data temu bual peserta kajian akan dimuatkan di dalam Bab 5 untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai maksud lukisan yang ingin disampaikan oleh peserta kajian.



1.7.7 Etika Penyelidikan

Memandangkan peserta kajian dilindungi di bawah perintah mahkamah maka namanya akan ditukar kepada sistem kod untuk melindungi identiti sebenar remaja tersebut. Segala lukisan hanya akan diambil sebagai bukti dokumen dengan izin kebenaran peserta kajian sendiri. Berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditandatangani oleh penyelidik menjalankan kajian ilmiah yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah:-

- i) Saya akan mematuhi peraturan-peraturan yang ada
- ii) Semua identiti penghuni-penghuni termasuk gambar-gambar mereka akan dirahsiakan
- iii) Saya tidak akan menyebarkan maklumat-maklumat yang diperoleh ke dalam sebaran am tanpa kebenaran daripada Kebajikan Masyarakat Malaysia
- iv) Saya akan memberi satu (1) salinan kajian saya berserta sinopsis kajian kepada Bahagian Perancangan dan Sistem Maklumat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk rekod Jabatan.

Data yang akan dinyatakan dan dipamerkan tidak bermaksud untuk menyinggung mana-mana pihak. Ia adalah cetusan rasa yang diluahkan oleh peserta kajian secara jujur dan tanpa paksaan. Segala sumber data diperjelaskan oleh peserta kajian dan dipersetujui bersama jika penyelidik membuat andaian dan tanggapan.

